

PENGGUNAAN DANA ZAKAT DALAM PEMBANGUNAN TAKAFUL MIKRO: SATU SOROTAN LITERATUR

The use of zakat fund in the development of micro takaful: a literature review

Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghaniⁱ & Ihsan Ilahi bin Mohd Sabriⁱⁱ Salmy Edawati Yaacobⁱⁱⁱ,
Nurul Ilyana Muhd Adnan^{iv}, Ahmad Dahlan Salleh^v, Rubayah Yakob^{vi} & Hendon Redzuan^{vii}

ⁱ Pensyarah Kanan, Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi nikrahim@ukm.edu.my

ⁱⁱ Calon Sarjana, Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti
Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi ihsanilahi16@gmail.com

ⁱⁱⁱ Professor Madya, Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi salmy1001@ukm.edu.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi ilyana_adnan@ukm.edu.my

^v Pensyarah Kanan, Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi dahlan@ukm.edu.my

^{vi} Professor Madya, Pusat Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi rubayah@ukm.edu.my

^{vii} Pensyarah Kanan, Pusat Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi hendon@ukm.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Takaful mikro ialah manifestasi amalan rangkuman kewangan (financial inclusion) dalam sesebuah negara. Tujuan takaful mikro ialah untuk menyokong keperluan kewangan golongan miskin dan tidak bernasib baik, yang sebahagian besar mereka juga dikenali sebagai B40. Kebanyakan mereka terdiri daripada asnaf zakat. Mereka ialah kumpulan masyarakat yang akan menghadapi masalah kejutan kewangan apabila berlaku kemalangan, sakit atau kematian. Walaubagaimanapun, golongan ini tidak mempunyai pendapatan yang cukup untuk mencarum sumbangan dalam</i></p>	<p><i>Micro takaful is a manifestation of financial inclusion in a country. The purpose of micro takaful is to support the financial needs of the poor and unfortunate group, in which most of them are known as the B40 segment. The majority of them are considered the asnaf (recipients) of zakat. They are the groups most susceptible to financial shocks in the event of accident, illness or death. However, they typically do not have sufficient income to purchase takaful. Insufficient contribution could thus impede the development of micro takaful. One of the proposed solutions is to utilise the zakat funds to help the asnaf group</i></p>

takaful. Dana sumbangan yang tidak signifikan juga boleh membantut pembangunan takaful mikro. Antara solusi cadangan ialah melalui penggunaan dana zakat bagi membantu golongan asnaf khususnya fakir dan miskin. Di samping itu, peningkatan kutipan zakat setiap tahun dapat dipadankan dengan kaedah agihan yang lebih efisien. Salah satu mekanisme agihan yang dicadang ialah melalui kaedah pembinaan takaful mikro berasaskan dana zakat. Kertas ini menganalisis beberapa kajian lepas yang telah dijalankan berkaitan pembangunan model takaful mikro dalam industri takaful dan keperluannya kepada dana zakat. Kertas ini turut menjelaskan beberapa isu dan cabaran berkaitan penggunaan dana zakat bagi pembangunan takaful mikro. Kajian ini adalah kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Hasil mendapati beberapa skim bantuan kewangan kepada golongan miskin disediakan sama ada oleh kerajaan atau institusi kewangan. Namun tidak banyak skim takaful mikro ditawarkan buat masa sekarang. Justeru, satu kajian penggunaan zakat untuk membangunkan takaful mikro wajar perlu dijalankan dalam kajian lanjutan.

Kata kunci: Takaful Mikro, Zakat, Asnaf, Miskin, B40, Model

especially the needy and poor people. Additionally, the yearly increment of the zakat fund requires a more efficient distribution system. Amongst the proposed mechanisms is to utilise the fund to develop a microtakaful model. This paper analyses previous studies on micro takaful model in the takaful industry and its need for the use of zakat fund. The article also examines some issues and challenges in utilising zakat fund for the development of micro takaful. This research is a qualitative study using content analysis approach. The findings suggest that there are several financial assistance schemes for poor people provided by the government or financial institutions. However,, very few micro takaful schemes are currently being offered . Thus, a study on using zakat to develop micro takaful schemes should be conducted in the future

Keywords: Takaful Mikro, Zakat, Asnaf, Miskin, B40, Model

PENDAHULUAN

Takaful mikro menjadi salah satu manifestasi pelaksanaan rangkuman kewangan (*financial inclusion*) dalam sesebuah negara. Rangkuman kewangan juga merupakan faktor penyokong kepada pertumbuhan serta kejayaan matlamat pembangunan yang lebih luas. Malahan, rangkuman kewangan dianggap sebagai faktor penentu bagi matlamat pembangunan lain dalam *Sustainable Development Goals (SDGs) 2030*, di mana ia menjadi sasaran dalam lapan matlamat daripada 17 matlamat lain. Secara jelas, *The United Nations Capital Development Fund*¹ menyatakan:

¹ UNCDF, *Financial Inclusion and the SDGs*, diakses secara atas talian pada 20 Jun 2019 di laman <https://www.uncdf.org/financial-inclusion-and-the-sdgs>

Financial inclusion is positioned prominently as an enabler of other developmental goals in the 2030 Sustainable Development Goals, where it is featured as a target in eight of the seventeen goals. These include SDG1, on eradicating poverty; SDG 2 on ending hunger, achieving food security and promoting sustainable agriculture; SDG 3 on profiting health and well-being; SDG 5 on achieving gender equality and economic empowerment of women; SDG 8 on promoting economic growth and jobs; SDG 9 on supporting industry, innovation, and infrastructure; and SDG 10 on reducing inequality.

Selaras dengan SDGs, polisi ekonomi Malaysia turut menempatkan rangkuman kewangan pada kedudukan penting (Bank Negara Malaysia 2016). Antara kaedah pelaksanaannya ialah pewujudan takaful mikro yang menawarkan perlindungan kewangan mampu milik kepada golongan fakir dan miskin seperti kumpulan B40. Golongan B40 terdiri dari miskin tegar, miskin dan mudah miskin. Namun isu yang sering membantut perkembangan ialah kemampunan dana risiko² yang telah mendapat perhatian penyelidik dan pengkaji. Dalam hal ini, Muhammad Ali Jinnah et al. (2017) menekankan isu dana risiko takaful mikro berkisar sekitar ketiadaan sumber yang kukuh.

Oleh kerana tujuan takaful mikro ialah menyediakan perlindungan kewangan jika berlaku kemalangan atau kematian kepada golongan miskin dan tidak bernasib baik, maka isu kecukupan dana risiko sangat kritikal. Kebiasaannya, golongan ini tidak mampu membayar caruman atau sumbangan bulanan yang mahal. Menurut Yakob & Rahman (2017), golongan B40 biasanya mampu mencarum sekitar RM21 sehingga RM30 sebulan untuk satu polisi takaful. Malahan, sukar untuk memastikan disiplin pembayar yang miskin kerana mereka tidak mempunyai pendapatan bolehguna yang mencukupi. Ini juga adalah disebabkan faktor kebanyakan sasaran pelanggan takaful mikro ialah mereka yang bekerja secara tidak formal (Ndurukia et al. 2017; Rom & Rahman 2012).

Sehubungan itu, amaun yang tidak signifikan ini boleh memberi kesan kepada dana risiko sesebuah syarikat pengendali takaful. Ini sekaligus memberi kesan negatif kepada pertumbuhan industri takaful mikro. Oleh kerana itu ada cadangan dikemukakan untuk menggunakan dana zakat dan wakaf (Muhammad Ali Jinnah et al. 2017). Namun di sana masih ada beberapa isu dan cabaran yang mesti diselesaikan khususnya dalam soal

² Dana risiko dimaksudkan di sini ialah dana risiko peserta (*participants' risk fund* atau PRF). Ia merupakan dana yang wajib bagi semua produk dan merujuk kepada dana yang bertujuan untuk menghimpunkan semua bahagian sumbangan yang dibayar oleh peserta berasaskan prinsip tabarru' bagi tujuan memenuhi tuntutan ketika berlaku sesuatu risiko yang dilindungi mengikut perjanjian takaful (Bank Negara Malaysia, 2013 Guidelines on Takaful Operational Framework, para 9.3 (a))

dana zakat termasuk isu-isu hukum dan pelaksanaannya (Adekunle Mikail et al. 2017).

Justeru, artikel ini menganalisis sorotan literatur berkaitan penggunaan dana zakat bagi merangsang perkembangan takaful mikro dalam pasaran industri di Malaysia, di samping menjelaskan beberapa isu dan cabaran yang wujud dalam aplikasi dana zakat sebagai dana pembangunan takaful mikro.

KONSEP TAKAFUL MIKRO

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 mendefinisikan takaful sebagai suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama. Seterusnya manfaat tersebut akan dibayar kepada para peserta atau benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui. Oleh kerana takaful mikro merupakan sebahagian daripada industri takaful, maka tujuan takaful mikro juga sebenarnya ialah untuk menyediakan perlindungan kepada peserta-peserta atau benefisiari mereka. Namun, tidak seperti takaful biasa, takaful mikro ditawarkan dengan sumbangan mampu milik bagi menampung keperluan golongan yang tidak bernasib baik seperti fakir dan miskin.

Takaful mikro merupakan satu alternatif penyediaan perlindungan kewangan dengan konsep patuh syariah. Kadar sumbangan hendaklah diletakkan pada kos yang berpatutan atau renda dengan sasaran pelanggan (Noor Aimi 2017; Fatin Nabilah dan Kamaruzaman 2014). Perlindungan kewangan yang dimaksudkan ialah manfaat kewangan yang diberikan kepada golongan B40 atas sebarang risiko yang mendatang seperti risiko kemalangan dan kematian. Manakala isi rumah yang berpendapatan rendah memberi maksud golongan miskin, isi rumah berpendapatan rendah atau kumpulan-kumpulan yang tidak mampu memiliki polisi takaful (Ahmad Ekhwan 2018).

Ketidakmampuan golongan B40 untuk memiliki skim perlindungan diri dan keluarga menyebabkan Bank Negara Malaysia telah menggesa industri kewangan Islam di Malaysia untuk menyediakan produk takaful yang bercirikan sumbangan yang rendah dan mampu milik. Menurut Bank Negara Malaysia, hanya 4% isi rumah golongan yang berpendapatan rendah memiliki memiliki perlindungan takaful. Industri takaful hendaklah memberikan penekanan kepada pengurangan kos, memudahkan penyampaian produk dan memastikan perlindungan bermakna kepada pemegang polisi (Bank Negara Malaysia (BNM) 2016).

Mengikut garis panduan yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia, sesuatu produk takaful mikro mestilah mempunyai ciri-ciri berikut:

i. Mudah (Easy)

Produk takaful mikro mestilah mudah difahami oleh pengguna. Manfaat, syarat-syarat dan prosedur permohonan mestilah diterangkan secara jelas dan nyata.

ii. Menawarkan perlindungan yang diperlukan (Protection needs-driven)

Perlindungan risiko yang ditawarkan melalui sesuatu produk takaful mikro mestilah bersesuaian dengan golongan yang disasarkan. Perlindungan yang tidak diperlukan tidak perlu ditawarkan.

iii. Mudah untuk diakses (Accessible)

Premium takaful yang ditawarkan mestilah mampu dimiliki oleh golongan target seperti kumpulan B40. Produk-produk yang ditawarkan mestilah bersesuaian dengan keadaan semasa golongan B40. Proses-proses seperti pembayaran premium (sumbangan) bulanan, pembaharuan sijil takaful, tuntutan manfaat mestilah dipermudahkan kepada golongan ini mengikut polisi yang digariskan oleh industri kewangan Islam.

iv. Efisien (Efficient)

Kesemua proses dijalankan dengan teratur dan menjimatkan masa serta pentadbiran pejabat diperkemaskan supaya memudahkan pelanggan khususnya golongan B40 (Bank Negara Malaysia 2016).

Kesimpulannya, takaful mikro merupakan satu produk yang penting, serta dapat melindungi golongan B40 dalam menghadapi risiko-risiko ekonomi dan kejutan kewangan di dalam kehidupan mereka.

KEPERLUAN TAKAFUL MIKRO KEPADA DANA ZAKAT

Sebagaimana dinyatakan sebelum ini (Bank Negara Malaysia 2016), peratusan pemilikan polisi takaful agak rendah dalam kalangan orang miskin. Ini menimbulkan kebimbangan kerana golongan B40 juga terdedah dengan bebanan kewangan akibat daripada risiko-risiko seperti kemalangan, hilang upaya, penyakit kritikal dan kematian.. Malahan ditambah pula dengan kos sara hidup yang meningkat, ketiadaan perlindungan takaful boleh menambah beban kewangan ketika berlaku kemalangan atau kematian. Menurut Mohd Aqmin et. al (2018) berdasarkan laporan Unit Perancang Ekonomi 2015 golongan B40 merupakan golongan yang paling berisiko dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup. Ini dibuktikan dengan data tahun 2009 dan 2014 golongan B40 menghadapi peningkatan perbelanjaan sebanyak 10.1% setiap tahun. Golongan B40 merupakan isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3860 sebulan dan termasuk isi rumah miskin tegar, miskin dan mudah miskin (Belanjawan 2019).

Maka, dalam kerangka rangkuman kewangan, takaful mikro perlu diperhebatkan bagi membantu kewangan golongan miskin. Malahan takaful mikro memainkan peranan penting dalam negara-negara membangun kerana dianggap sebagai solusi “*self-empowered social protection*” (perlindungan sosial pemerdayaan sendiri) kepada golongan miskin (Loewe 2006). Sekalipun takaful mikro dan insurans mikro dianggap penting untuk pembangunan sosio ekonomi golongan miskin, keperluan kewangan mereka masih tidak mampu ditawarkan dengan baik oleh institusi dan pasaran industri (Islam and Maitra, 2011). Atas dasar ini, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan satu *Discussion Paper* (Kertas Perbincangan) mengenai insurans dan takaful mikro pada tahun 2016 (Bank Negara Malaysia 2016).

Namun menurut Laporan Kestabilan Kewangan dan Pembayaran 2018 (Bank Negara Malaysia 2018), penembusan insurans dan takaful tidak banyak berubah dan ini mencerminkan liputan perlindungan yang tidak sekata dalam kalangan penduduk Malaysia, dengan sebahagian besar segmen berpendapatan lebih rendah tidak memiliki perlindungan insurans dan takaful. Dalam hal ini, usaha terus dipergiat untuk menyokong pembangunan produk insurans dan takaful yang mampu milik, termasuk produk yang ditawarkan di bawah Perlindungan Tenang.³

Usaha ini dilengkapi oleh pelaksanaan skim perlindungan nasional B40 yang bertujuan membantu kumpulan pendapatan isi rumah 40% terendah memahami dan mendapatkan pengalaman memiliki insurans dan takaful, dan akhirnya membantu mereka untuk mendapatkan perlindungan yang ditawarkan oleh pasaran insurans dan takaful untuk tempoh jangka panjang (Bank Negara Malaysia 2018).

Namun, cabaran yang dihadapinya ialah kemampanan dana takaful mikro. Ini kerana dana takaful bergantung kepada sumbangan peserta. Fakta ini disokong oleh beberapa kajian. Brugnoli (2013) dan Adekunle Mikail et al. (2017) berpendapat industri takaful mikro sangat bergantung kepada dana yang boleh bertahan dan mampan untuk menyediakan pampasan dan perlindungan dari semasa ke semasa. Maka jika peserta hanya mampu menyumbang pada kadar yang minimum sebulan bagi memiliki polisi

³ Inisiatif Perlindungan Tenang dilancarkan pada bulan November 2017 bagi menggalakkan penanggung insurans dan pengendali takaful menawarkan produk-produk mampu milik, mudah diakses dan mudah difahami. Inisiatif ini disasarkan untuk memenuhi keperluan rakyat Malaysia yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan dan takaful, khususnya kumpulan pendapatan isi rumah 40% terendah (B40). Pada masa ini, sebanyak 10 penanggung insurans dan pengendali takaful menawarkan produk Perlindungan Tenang. Kos produk insurans hayat atau takaful keluarga yang dijual di bawah Perlindungan Tenang adalah antara RM5 hingga RM13 sebulan dalam bentuk premium/sumbangan untuk jumlah perlindungan/ penyertaan antara RM15,000 hingga RM33,000. Sejak pelancarannya, lebih 29,500 polisi dan sijil telah terjual, yang terdiri daripada 28,900 polisi hayat dan sijil takaful keluarga serta lebih 600 polisi dan sijil kebakaran atau banjir.

perlindungan takaful, ini menjadikan dana takaful terdedah kepada risiko defisit.

Takaful mikro disasarkan kepada golongan yang memerlukan seperti fakir dan miskin. Dalam Islam, mereka tergolong dalam kalangan asnaf zakat. Golongan miskin biasanya tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi, sementara untuk menyumbang dalam takaful. Htay et al. (2015) mendapati mereka hanya mampu menyumbang antara RM 5 ke RM 10 sebulan untuk produk asas seperti kos pengebumian, pembedahan minor atau rawatan kecemasan. Manakala Yakob & Rahman (2017), mendapati golongan B40 biasanya mampu menyumbang sekitar RM 21-30 sebulan untuk memiliki polisi takaful. Produk takaful mikro perlu direka berasaskan kemampuan sasaran pelanggannya. Sekiranya kekangan penetapan harga (*pricing*) atau sumbangan tidak diselesaikan, takaful tidak akan menjadi pilihan isi rumah berpendapatan rendah (Wrede & Phily n.d.)

Di samping itu, isu kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai takaful juga kritikal khususnya dalam kalangan orang miskin (Mazambani & Mutambara 2018). Ini berkemungkinan besar kerana ramai kalangan miskin tidak memahami kepentingan dan faedah perlindungan takaful dan insurans (Savitha 2014). Kurang kesedaran ini akan memberi efek negatif dan wajar diselesaikan sama ada melalui pendidikan formal atau tidak formal.

Sehubungan itu, Rusydiana & Devi (2017) mencadangkan agar sumbangan takaful hendaklah dikadarkan sesuai mengikut pendapatan peserta. Bagi golongan miskin, sumbangan secara tetap setiap bulan juga sukar kerana mereka bergantung kepada pendapatan dalam perbelanjaan harian. Biener & Eling (2012) mendapati masalah ini boleh diminimumkan dengan skim insurans berasaskan komuniti, yang dikawal oleh kerajaan.

Dari aspek takaful mikro, peranan ini boleh diambil alih oleh institusi zakat atau wakaf seperti yang ditegaskan oleh Rom & Rahman (2012). Integrasi zakat dalam pembangunan takaful mikro sangat penting. Kassim (2013), juga mencadangkan takaful mikro berasaskan model koperasi dengan menggunakan dana wakaf dan zakat untuk memastikan sumbangan bulanan dibayar secara tetap.

Idea yang sama dikongsi oleh Haneef et al. (2014) dengan cadangan penggunaan wakaf secara khusus. Dalam kajian lain, Hasim (2014) mengemukakan idea prinsip koperasi boleh digunakan dengan bantuan institusi yang dibangunkan secara bersama melibatkan kerajaan, institusi takaful dan organisasi derma serta NGO. Antara struktur cadangan ialah dengan penyaluran langsung dana zakat kepada dana takaful mikro sebagai sumbangan golongan miskin. Dengan kata lain, autoriti zakat yang melakukan hal demikian secara terus. Adekunle Mikail et al. (2017) juga berpendapat zakat boleh digunakan sebagai dana untuk membiayai sumbangan peserta yang miskin dalam dana takaful mikro. Ghani et al.

(2018), Uthman (2012) dan al-Ghufayli (2008) mendapati isu fiqh yang utama ialah isu pemindahan milik atau *tamlik* harta zakat kepada asnaf. Dengan kata lain, dana zakat mesti dipindahkan terus kepada asnaf sebelum dipindahkan kepada pengendali takaful.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, didapati zakat berpotensi menjadi sumber dana bagi pembangunan takaful mikro untuk golongan miskin. Namun, hal ini tidak dapat dijalankan kecuali dengan gabungan institusi zakat dan institusi takaful.

ISU DAN CABARAN PEMBANGUNAN MODEL TAKAFUL MIKRO BERASASKAN DANA ZAKAT

Pelaksanaan zakat sebagai sumber dana bagi pembangunan takaful mikro merupakan satu perkara yang baik dan memberi manfaat kepada golongan yang kurang berupaya seperti fakir dan miskin. Namun begitu, penggunaan dana zakat dalam pembangunan takaful mikro mempunyai beberapa isu dan cabaran yang perlu diselesaikan dengan berhemah agar perkara ini dapat dilaksanakan dengan penuh sistematik dan seterusnya dapat memberi manfaat kepada golongan sasaran. Isu penggunaan dana zakat dalam pembangunan takaful mikro boleh dikategorikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah dari segi hukum penggunaan dana zakat. Manakala bahagian kedua ialah dari segi pelaksanaan dan prosedur. Bahagian pertama iaitu dari segi hukum penggunaan dana zakat adalah seperti berikut:

1. Isu *tamlik* dalam pembahagian zakat

Firman Allah SWT di dalam surah at-Taubah telah mengkhususkan pembahagian dan pemilikan dana zakat kepada lapan asnaf :

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيَّهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغُرْمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ٩٠ ﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. (at-Taubah 9:60)

Berdasarkan ayat ini, perkara yang menjadi topik perbincangan para fuqaha' ialah huruf ل pada kalimah لِلْفُقَرَاءِ. Secara kesimpulannya perbezaan di kalangan ulama' terbahagi kepada dua pendapat seperti berikut :

Jadual 2: Perbezaan Pendapat Fuqaha Mengenai Isu *Tamlik*

Pendapat Pertama	Pendapat Kedua
<p>1. <i>Lam</i> tersebut ialah <i>lam al-tamlik</i> dan zakat perlu dikongsikan antara lapan asnaf tersebut dengan menggunakan huruf <i>waw-tashrik</i> iaitu <i>waw</i> yang menunjukkan makna perkongsian (Wahbah Zuhaili 1994). Oleh itu berdasarkan pendapat ini zakat wajib diagihkan kepada lapan asnaf tersebut dan ianya menjadi hak milik mereka tanpa adanya campur tangan iaitu diserahkan kepada pihak lain terlebih dahulu</p>	<p>1. Pendapat Mazhab Maliki dengan mengatakan huruf ل pada kalimah لِلْفُقَرَاءِ memberi maksud <i>al-takhyir</i> iaitu boleh memilih untuk dibahagikan kepada mana-mana asnaf dan tidak wajib membahagikan kepada kesemua asnaf mazhab Maliki mengatakan bahawa syarat <i>tamlik</i> itu hanya terpakai kepada sebahagian asnaf sahaja (Nik Abdul Rahim et al. 2018). Pendapat ini disokong oleh Ibnu Taimiyyah. Ulama' mazhab Maliki mengatakan sunat diberikan harta zakat kepada orang yang sangat memerlukan berbanding dengan orang lain, begitu juga sunat untuk mengagihkan kepada kelapan-lapan asnaf bagi mengelakkan terjadinya sebarang pertelingkahan dan perbalahan. Mazhab Maliki juga tidak mensyaratkan iaitu tidak wajib mengagihkan secara menyeluruh kepada lapan asnaf tersebut (Wahbah Zuhaili 1994).</p>

2. Isu pelaburan dana zakat

Menurut fatwa yang dikeluarkan oleh para ulama' kontemporari dalam persidangan di Dubai telah membenarkan penggunaan dana zakat untuk pelaburan dengan syarat pelaburan itu mesti menggunakan lebihan dana zakat yang diagihkan kepada asnaf untuk keperluan hidup dan bahagian amil juga boleh dilaburkan (Sanep Ahmad 2009). Berkaitan isu pelaburan, permasalahan yang timbul ialah apabila dana zakat dilaburkan oleh syarikat takaful, adakah dana tersebut akan bercampur dengan dana daripada

peserta-peserta lain yang bukan berkategori asnaf, bahkan peserta untuk polisi takaful premium yang biasa bukannya takaful mikro. Selain itu juga, timbul persoalan mengenai keuntungan daripada hasil pelaburan daripada dana zakat yang dijalankan oleh syarikat. Adakah dibolehkan mengambil keuntungan dan jika dibolehkan berapa peratuskah kadar keuntungan yang boleh diambil oleh syarikat. Perkara ini juga perlu diselesaikan dengan fatwa bagi menjelaskan mengenai hukum tersebut.

Seterusnya ialah bahagian kedua iaitu dari segi prosedur pelaksanaan dana zakat untuk dijadikan sebagai sumber dana pembangunan takaful mikro. Antara isu-isu yang timbul adalah seperti berikut:

1. Isu berkenaan bidang kuasa zakat

Zakat tertakluk di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Ini berdasarkan perlembagaan Malaysia Jadual kesembilan senarai II yang menyatakan bahawa :

....."institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya".....

Justeru, sebarang urusan mengenai zakat mestilah mendapat keizinan dan kebenaran daripada Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN). Permohonan perlu dibuat dan dibentangkan kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri mengenai cadangan bagi menjadikan dana zakat sebagai salah satu sumber bagi takaful mikro.

2. Kecukupan dana zakat untuk dijadikan sebagai sumber dana bagi pembangunan takaful mikro.

Dana zakat berpunca daripada pembayar-pembayar zakat bagi setiap negeri. Negeri-negeri seperti Selangor dan Wilayah Persekutuan menunjukkan kadar peratusan peningkatan kutipan dan agihan zakat saban tahun. Namun begitu, perkara ini tidak boleh dipastikan yang ianya akan berkekalan. Berkemungkinan suatu hari, asnaf-asnaf semakin bertambah disebabkan peningkatan kos sara hidup yang juga semakin bertambah. Apabila asnaf semakin bertambah, maka dana zakat dibimbangi tidak mencukupi dan hanya terhad kepada keperluan asasi asnaf. Perkara ini juga, perlu diambil kira sebagai isu dan cabaran yang perlu dihadapi dan diselesaikan. Antara perkara yang perlu diteliti iaitu pertama dilihat dari sudut kutipan zakat dan kedua ialah dari sudut agihan zakat. Semakin banyak agihan yang dilakukan, semakin berkurangan kadar yang akan diterima oleh asnaf kerana dibimbangi duit zakat tidak mencukupi. Selain itu juga, asnaf bukan hanya terhad kepada asnaf fakir dan miskin sahaja tetapi ianya merangkumi lapan asnaf yang perlu diurus dan diagihkan dana zakat kepada mereka. Begitu juga dari aspek keperluan lain yang diperlukan oleh asnaf fakir dan miskin

seperti keperluan asasi seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Ini kerana asnaf fakir dan miskin bukan hanya memerlukan takaful sahaja, mereka juga mempunyai keperluan-keperluan lain yang mesti dibantu oleh zakat bagi memastikan mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup. Keperluan-keperluan ini perlu diambil kira dan dihitung dengan teliti sehingga mendapat jumlah tunai yang sesuai bagi caruman takaful mikro dengan menggunakan dana zakat.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, zakat berpotensi besar dalam usaha pembangunan takaful mikro. Hal ini penting kerana akan membantu golongan yang kurang berupaya untuk menjalani kehidupan yang penuh risiko pada masa kini. Semua pihak yang terlibat mestilah bekerjasama untuk memastikan perkara ini dapat direalisasikan dan menjadikan Negara Malaysia bebas daripada kemiskinan dan kefakiran yang melampau. Kepentingan takaful pada masa kini tidak dapat dinafikan. Ini kerana terdapat banyak risiko yang perlu dihadapi seperti kemalangan, kematian, sakit, kekurangan kewangan dan sebagainya. Matlamat yang jelas perlu diletakkan sebagai satu misi dan visi untuk mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini seterusnya menjadikan negara aman dan damai. Pelaksanaan zakat sebagai dana pembangunan takaful mikro juga bakal mencerminkan satu pandangan positif terhadap Islam yang amat menekankan aspek kebajikan terhadap umat Islam sekali gus menolak fahaman Islam fobia serta memberi dakwah kepada mereka yang memandang Islam secara negatif untuk kembali kepada Islam.

PENGHARGAAN

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil penyelidikan Aplikasi Takaful Mikro Melalui Dana Zakat di bawah dana GGPM-2018-007.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

Adekunle Mikail, S., Ali Jinnah Ahmad, M. & Saheed Adekunle, S. 2017. Utilisation of zakāh and waqf fund in micro-takāful models in Malaysia: an exploratory study. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 9(1): 100–105. doi:10.1108/IJIF-07-2017-010

Ahmad Ekhwan Ahmad Raffie. 2018. Potensi Dana Zakat Dalam Takaful Mikro dan Mikro Kredit. Persidangan Meja Bulat. Hotel Putrajaya Bangi.

- Aḥmad Ḥasan, al-Awrāq al-Naqdiyyah fī al-Iqtisād al-Islāmī: Qīmatuhā wa Ahkāmuhā, Damsyik: Dār al-Fikr, 2002.
- Amānah al-'Ammah Li Hay'ah Kibār al-'Ulamā'. 2013. Abḥāth Hay'ah Kibār a-'Ulamā' bi al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'ūdiyyah. Riyadh: al-Ri'āsah al-'Ammah li al-Buhūth al-'Ilmiyyah wa al-Iftā', 2013.
- “An al-Majma' al-Fiqh al-Islāmī.” Laman sesawang Rābiṭah al-'Ālam al-Islāmī - al-Majma' al-Fiqh al-Islāmī. Dicapai 30 Disember 2015. <http://ar.themwl.org/node/11>.
- al-Asyqār, Muḥammad Sulaymān, “al-Nuqūd wa Taqallub Qīmah al-'Umlah,” Majallah Majma' al-Fiqh al-Islāmī, bil. 5, jilid ke-3, 1988.
- Bank Negara Malaysia. 2016. Microinsurance and Microtakaful : Discussion Paper (18 April): 1–18. Retrieved from http://www.bnm.gov.my/guidelines/50_others/dp_microinsuranceandmicrotakaful_Apr2016.pdf
- Bank Negara Malaysia. 2018. *Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2018*.
- Bank Negara Malaysia (BNM). 2016. Sektor Insurans dan Takaful 75–93.
- Biener, C. & Eling, M. 2012. Insurability in Microinsurance Markets : An Analysis of Problems and Insurability in Microinsurance Markets : An Analysis of Problems and Potential Solutions. *Geneva Papers on Risk and Insurance - Issues and Practice* · 37(1): 77–107. doi:10.1057/gpp.2011.29
- Brugnoni, A. 2013. Microtakaful. Dlm. Gönülal (pnyt.). *Takaful and Mutual Insurance Alternative Approaches to Managing Risks*, hlm. 153–174. Washington DC: International Bank for Reconstruction and Development.
- al-Buhūtī, Manṣūr bin Yūnus, Kaysf al-Qinā' 'an Matn al-Iqnā'. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- al-Būṭī, Muḥammad Tawfiq Ramaḍān, al-Buyū' al-Syā'i'ah wa Āthar Dawābiḍ al-Mabī' 'Alā Syar'iyatihā. Damsyik: Dar al-Fikr, 1998.
- Dwivedi, D.N., *Macroeconomics: Theory and Policy*, ed. ke-2. New Delhi: Tata McGraw-Hill Publishing Company Limited, 2007.
- Fatin Nabilah & Kamaruzaman. 2014. Skim Takaful Sumbangan Rendah Serta Prospek Perlaksanaan Takaful Mikro Di Malaysia. *International Conference on PostGraduate Research (ICPR) 2014*(December): 24–35.
- Haneef, M. A., Muhammad, A. D., Pramanik, A. H. & Mohammed, M. O. 2014. Integrated Waqf Based Islamic Microfinance Model (IWIMM) for Poverty alleviation in OIC Member Countries. *Middle-East Journal of Scientific Research* 19(2): 286–298. doi:10.5829/idosi.mejsr.2014.19.2.12565
- Hasim, H. M. 2014. Developing a Conceptual Framework of Microtakaful as a Strategy towards Poverty Alleviation. *Journal of Economics and Sustainable Development* 5(28): 1–9.
- Loewe, M. 2006. Downscaling, upgrading or linking? Ways to realize micro-

- insurance. *International Sosial Security Review* 59.
- Mazambani, L. & Mutambara, E. 2018. Sustainable Performance of Microinsurance in Low-Income Markets. *Risk Governance and Control: Financial Markets & Institutions* 8(2): 41–53. doi:10.22495/rgcv8i2p2
- Ndurukia, Z., Njeru, A. W. & Waiganjo, E. 2017. The Determinants of Demand For Micro Insurance Services in Kenya. *American Journal of Finance* 2(6): 79–107.
- Noor Aimi. 2017. Issues and Challenges in Developing Microtakaful in Muslim Country. *Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017)* 2017(ICoMM): 426–433.
- Rom, N. A. M. & Rahman, Z. A. 2012. Financial Protection for the Poor in Malaysia : Role of Zakah and Micro- takaful 25(1): 119–140.
- Savitha. 2014. A Qualitative Analysis of Declining Membership in Micro Health Insurance in Karnataka. *SIES Journal of Management* 10(1): 12–21.
- Wrede, P. & Phily, C. (n.d.). Pricing for microinsurance a technical guide. Impact Insurance.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.